

Headline **Telefon bimbit**
 Date **22. Sep 2008**
 Media Title **Berita Harian**
 Section **Pendidikan**
 Circulation **217920**
 Readership **2083000**

Language **MALAY**
 Page No **16**
 Article Size **859** cm2
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**
 AdValue **15203.71**



REMAJA kini sangat bergantung kepada telefon bimbit kerana penggunaannya yang pelbagai.

FOKUS

Oleh Basir Zahrom
 basir@bharian.com.my

Telefon bimbit

Penggunaan pengaruhi perlakuan sosial remaja

SAMA ada anda sedar atau tidak, penggunaan telefon bimbit sebenarnya membawa kesan dari segi psikologi dan komunikasi terutama di kalangan remaja, jika tiada usaha dilakukan untuk mengatasinya, dibimbangi menimbulkan suasana lebih buruk, khususnya kepada generasi masa depan.

Pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Haslinda Abdullah, berkata telefon bimbit adalah satu alat yang terbuka untuk komunikasi dan sukar bagi sesiapa menghalang perlakuan yang terhasil melaluinya.

Katanya, telefon bimbit boleh menyebabkan seseorang bersikap agresif seperti bergaduh, malah lebih serius merakam pelakuan lucah lalu menyebarkannya sama ada untuk suka-suka atau ugutan.

"Sebelum kewujudan telefon bimbit, ahli keluarga dan masyarakat berperanan mengawal perlakuan remaja, khususnya perbuatan negatif. Namun dengan kecanggihan teknologi kini, mereka terdedah kepada perbuatan kurang bermoral termasuk menerusi alat komunikasi berkenaan.

Haslinda berkata, merujuk teori sosial, remaja mudah terikut-ikut dengan persekitaran, mereka mempunyai perasaan ingin melakukan perkara yang dilihat yang akhirnya menjadi kebiasaan.

Misalnya, remaja kini terdedah kepada gambar atau rakaman video lucah yang akhirnya mendorong mereka melakukan perbuatan yang dilihat itu.

"Golongan remaja juga lebih mementingkan hiburan



“Penggunaan telefon bimbit lebih menjurus kepada perkara negatif, malah terdapat banyak kes jenayah dapat diselesaikan menerusi alat komunikasi itu”

Dr Haslinda Abdullah
 Pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

berbanding aspek lain seperti kematangan fikiran, perancangan, pemahaman dan pengurusan, sekali gus membantu mereka terpengaruh dengan budaya kurang sihat yang berlaku di sekeliling mereka," katanya kepada *Berita Harian*, baru-baru ini.

Haslinda berkata, selain implikasi terhadap sikap atau tingkah laku, penggunaan telefon bimbit juga mempengaruhi cara berkomunikasi dan perlakuan sosial remaja, sekali gus membantutkan perkembangan

intelektual.

"Sewaktu menggunakan SMS atau berbuai menerusi telefon, remaja berasa lebih yakin apabila bertutur, namun apabila bersempua mereka menghadapi masalah berkomunikasi.

Beliau menafikan penggunaan telefon bimbit lebih menjurus kepada perkara negatif, malah terdapat banyak kes jenayah dapat diselesaikan menerusi alat komunikasi itu.

"Dalam hal ini, bebanan tidak seharusnya dipertanggungjawabkan kepada kerajaan, seba-

liknya semua pihak termasuk guru, ibu bapa dan masyarakat wajar memainkan berperanan mengawasi penggunaan telefon bimbit secara melampau.

"Jika ibu bapa mahu memberikan kemudahan telefon bimbit kepada anak mereka, tunggu sehingga mereka matang dan boleh berfikir mengenai kebajikannya," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara, Prof Madya

Dr Baharuddin Aziz, berkata banyak kebaikan yang diperoleh menerusi penggunaan telefon bimbit.

Katanya, seseorang itu boleh menggunakannya untuk berkomunikasi, sebagai alat hiburan seperti 'mobile TV', malah sesetengah telefon bimbit pintar yang mempunyai 3G mampu memuatkan internet serta blog di dalamnya.

"Pengguna boleh memantau blog atau perniagaan menerusi

internet dan memperoleh faedah daripadanya.

"Bagaimanapun, pelajar lebih cenderung menggunakannya untuk tujuan lain, misalnya menghantar SMS ketika kuliah dan memuatkan 'nota penting' untuk dirujuk sewaktu peperiksaan.

"Ini adalah antara perkembangan tidak sihat dan menunjukkan kurang rasa hormat terhadap kuliah serta pensyarah sendiri," katanya.



“Pelajar lebih cenderung menggunakannya untuk tujuan lain, misalnya menghantar SMS ketika kuliah dan memuatkan 'nota penting' untuk dirujuk sewaktu peperiksaan”

Dr Baharuddin Aziz
 Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara